

24 JAN 1999

Abdullah-Jentera

JENTERA KERAJAAN MESTI LANCAR DAN DINAMIK, KATA ABDULLAH

ALOR SETAR, 24 Jan (Bernama) -- Jentera kerajaan seharusnya berfungsi secara dinamik dan lancar supaya setiap projek dapat digerakkan sepenuhnya dalam masa yang singkat, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, semua jentera kerajaan wajar menggunakan setiap peruntukan untuk menjalankan sesuatu projek secara bijaksana supaya proses pemulihan ekonomi negara dapat dipercepatkan.

Abdullah berkata demikian dalam ucapannya di majlis perjumpaan bersama kira-kira 2,000 orang pegawai dan kakitangan kerajaan negeri serta persekutuan di Wisma Darul Aman di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Kadir Sheikh Fadzir dan anggota-anggota Dewan Undangan Negeri Kedah.

Beliau berkata, kerajaan hanyalah berperanan sebagai 'pengurus' dengan memperkenalkan dasar-dasar pemulihan negara dan tugas-tugas melaksanakannya dipikul oleh jentera kerajaan.

Rakyat pula harus memberikan sepenuh kerjasama kerana apa yang dilakukan oleh kerajaan melalui jenteranya adalah semata-mata untuk tidak mahu melihat mereka menderita akibat kegawatan ekonomi.

"Semua orang dihimpit oleh masalah ini, dan kerajaan akan bersikap bertanggungjawab dengan memperkenalkan langkah pemulihan walaupun ada orang mengatakan ianya tidak berapa popular," katanya.

Beliau berkata sejak langkah pemulihan diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad September tahun lalu, kegawatan ekonomi negara kini menuju ke arah pemulihan.

Antara langkah pemulihan yang menunjukkan perkembangan baik ialah keadaan pasaran saham yang kini menggalakkan, lebih dagangan negara yang semakin meningkat dan kempen pemilikan rumah yang berjaya mencapai jualan berjumlah RM3.8 bilion, katanya.

"Kita juga menetapkan Ringgit Malaysia tidak boleh diniagakan di luar negara dan kadar tukaran wang adalah tetap RM3.80 bagi setiap US\$1, dan ini menimbulkan kemarahan ramai ahli ekonomi barat termasuk segelintir rakyat kita sendiri," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan beranggapan 'ubat' buatan sendiri untuk rakyat negara ini harus dicari walaupun menyedari tindakan pemulihan itu kurang disenangi oleh beberapa pihak.

Kerajaan tidak mahu situasi yang berlaku di negara jiran turut berlaku di negara ini akibat terlalu bergantung kepada 'ubat' buatan asing.

Tahap kemiskinan, jumlah pekerja yang diberhentikan dan kadar inflasi semakin tinggi dan ditambah lagi dengan suasana politik yang tidak menentu kini menjejaskan negara jiran, katanya.

-- BERNAMA

MAN PR